

KHAMIS, 1 APRIL, 1982

# MANDAT ORANG RAMAI UNTUK KERAJAAN

## RENCANA PENGARANG

PENERANGAN yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengenai kenapa Kerajaan beliau telah memilih untuk mengadakan pilihanraya umum pada bulan April itu nampaknya sudah cukup jelas. Menunggu sehingga Kerajaan beliau genap setahun umurnya atau sehingga menjelang 1983 bukan tidak boleh, cuma ini merugikan masyarakat dan negara. Bukan sahaja langkah demikian akan memanjangkan berbagai spekulasi mengenai pilihanraya malah ini juga akan menyebabkan lebih banyak tenaga dan pemikiran kita akan terbuang kerananya.

Yang jelas ialah, tiba ketikanya ia akan terpaksa diadakan. Jadi memang tidak ada sebab kenapa demam pilihanraya perlu dipanjangkan. Lebih penting lagi Kerajaan nampaknya sudah cukup bersedia untuk menghadapi pilihanraya. Dari satu segi, kita perhatikan bahawa dalam tempoh lapan bulan Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Mahathir berkuasa ia telah berjaya meletakkan matlamat, gaya dan sikap pentadbirannya dengan pasti dan tegas. Dari satu segi lain, ternyata pula bahawa kepimpinan beliau telah mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat.

Pelaksanaan dasar-dasar pembangunan ekonomi dan sosial negara, dari DEB hinggalah ke dasar bahasa dan pelajaran kebangsaan, yang telah dilaksanakan dengan berkesan itu sudah mendapat perhatian dan sambutan yang baik dari segenap lapisan masyarakat. Demikian juga halnya dengan gaya dan prinsip pentadbiran beliau yang mengutamakan kecekapan, kebersihan dan kelicinan. Tentang hasrat Kerajaan untuk mencapai perimbangan pengaruh yang lebih baik di antara barat dan timur itu faedahnya adalah jelas. Hakikat bahawa di zaman ini idea dan teknologi yang baik bukan hanya terdapat di barat adalah jelas.

Orientasi yang berimbang ini juga membawa faedah praktik yang bukan kecil nilainya. Dari segi pengaliran perdagangan dan bantuan teknik dan modal yang diberikan kepada negara kita negara-negara timur seperti Jepun dan Korea Selatan adalah jauh lebih penting.

Memandangkan rekod yang cemerlang ini tidaklah sukar difaham kenapa Kerajaan mahu mendapatkan mandat yang segera dari orang ramai. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir, di samping memberikan kepastian, sokongan kuat dari rakyat tentulah akan membolehkan Kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya dengan sepenuh keberanian dan kesungguhan. Dengan kestabilan dan kadar pembangunan yang telah terhasil kelayakan Kerajaan untuk terus berkuasa nampaknya tidak perlu di persoalan lagi. Sekarang nampaknya pisau dan timun di tangan rakyat.